

20/10/2001

RM204.5j tingkat taraf hidup penduduk miskin

KERAJAAN memperkenalkan Program Kesejahteraan Rakyat dalam Belanjawan 2002 dengan memberi keutamaan kepada negeri yang mempunyai ramai rakyat miskin, termasuk Kelantan dan Terengganu.

Program yang sebelum ini dikenali sebagai Program Pembangunan Rakyat Termiskin itu menerima peruntukan RM204.5 juta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan juga menyediakan pelbagai program untuk meningkatkan taraf hidup mereka termasuk pemulihan sikap keluarga miskin dan membantu keupayaan mereka menambah pendapatan.

Selain itu, program makanan tambahan keluarga termiskin, pembasmian kemiskinan di bandar, peningkatan pertanian dan ekonomi kampung, program pemulihan rumah dan pembangunan masyarakat.

Dr Mahathir berkata, bagi program kebajikan masyarakat, kerajaan memperuntukkan RM136.5 juta di bawah Perbelanjaan Mengurus dan RM57.3 juta di bawah Perbelanjaan Pembangunan.

Antara program yang dilaksanakan, termasuk memberi manfaat kepada penghuni di 52 institusi kebajikan untuk kerja pembaikan dan naik taraf institusi itu bagi meningkatkan keselesaan dan keceriaan persekitaran.

Beliau berkata, Felda juga memberikan bantuan dalam bentuk sokongan harga kepada peneroka kelapa sawit dan getah ketika menghadapi kejatuhan harga komoditi.

"Bagi peneroka kelapa sawit, mereka diberi bantuan RM12 bagi setiap satu tan metrik jika harga sawit jatuh di bawah paras RM900 setiap satu tan metrik.

"Bagi peneroka getah, bantuan diberi 15 sen bagi setiap satu kilogram sekiranya harga getah turun di bawah paras RM2.50 setiap 1 kilogram," katanya.

Sementara itu, katanya, Risda memperuntukkan RM3 juta setiap tahun bagi program meningkatkan pendapatan keluarga termiskin, menyediakan tempat tinggal lebih selesa dan mengubah sikap, gaya berfikir dan corak bekerja yang boleh menambah pendapatan mereka.

Kadar bantuan maksimum RM250 ringgit diberikan bagi setiap keluarga bergantung kepada bilangan tanggungan penerima. Bagi tempoh Julai 1999 hingga Disember 2000, 667 keluarga sudah mendapat bantuan ini, berjumlah RM2.5 juta.

(END)